

UTHM teruskan pertandingan debat antarabangsa

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akan meneruskan pertandingan debat termasuklah Debat Antarabangsa Bahasa Cina yang telah bermula sejak 2009.

Pertandingan yang diadakan setiap dua tahun itu bertujuan mencungkil bakat terpendam dalam kalangan pelajar dan lebih istimewa turut disertai pelajar negara luar seperti Singapura, China, Macau dan Australia.

Naib Canselor UTHM, Prof Dr Wahid Razally berkata, pada tahun ini, penyertaan bertambah apabila 24 universiti mengambil bahagian.

Menurutnya, objektif utama program itu adalah untuk mengasah potensi pelajar agar mereka berani mengutarakan pandangan.

"Perkembangan teknologi semakin canggih, dan perkongsian pandangan atau perbahasan sesuatu isu itu



Ab Aziz (depan, tengah) bersama sebahagian peserta dan mereka yang terlibat menjayakan Pertandingan Debat Antarabangsa UTHM 2017.

turut dapat dilakukan di laman maya. Namun sebaiknya, mereka ini dapat bersemuka kerana debat dapat menunjukkan bukti dan penjelasan kukuh, bukannya di laman sosial yang ada kalaunya lebih kepada tuduhan tidak berdasar.

"Dan tujuan utama pertandingan debat ini terus dijalankan bagi mencungkil bakat pelajar untuk menjadi pemimpin pada masa akan

datang yang tidak takut untuk bersuara demi kebaikan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian semasa perasmian penutup Pertandingan Debat Antarabangsa Bahasa Cina UTHM Ke-5, yang dirasmikan Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Ab Aziz Kaprawi.

Ab Aziz berkata, debat merupakan cabang komunikasi yang wajar dikuasai

● **Debat Antarabangsa Bahasa Cina yang telah bermula sejak 2009 turut disertai pelajar dari Singapura, China, Macau dan Australia**

INFO

pelajar kerana ia memberikan input bermaklumat, berfakta dan bukannya omong kosong.